

Headline	16,086 rumah di Sabah dikesan curi elektrik		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	27 Sep 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	21	ArticleSize	281 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 9,649
Journalist	N/A	PR Value	RM 28,947
Frequency	Daily		



16,086 rumah di Sabah dikesan curi elektrik

Sandakan: Sebanyak 199 penempatan setinggan membabitkan 16,086 rumah di seluruh Sabah dikesan melakukan penyambungan elektrik secara haram.

Penempatan setinggan tertumpu di lima daerah negeri ini iaitu Kota Kinabalu, Semporna, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau.

Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST) Pantai Timur Sabah, Mohd Yusrul Yusof, berkata penyambungan elektrik secara haram oleh penduduk setinggan bukan saja memberi kesan ke atas keselamatan orang awam, malah kepada ekonomi negeri ini.

"Kegiatan ini sukar dikawal selagi wujud setinggan kerana walaupun operasi kerap dilakukan, penduduk akan membuat semula penyambungan kabel, sama ada pada hari sama selepas operasi atau dalam tempoh lima hari," katanya kepada BH.

Mohd Yusrul berkata, modus operandi digunakan penduduk setinggan adalah dengan menyambung kabel ke talian voltan rendah Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sekali gus mendedahkan pelbagai bahaya kepada orang awam, khususnya kanak-kanak.

Katanya, apabila kabel elektrik tidak bersalut penebat dipasang dalam longkang, ia menyebabkan air

di sepanjang longkang terbabit mengandungi arus elektrik yang mampu membunuh.

"Kabel yang dipasang di tanah

dan dalam semak juga boleh mendakwa bahaya kepada orang awam jika terpijak," katanya.

Kes kecurian

Katanya, sejak tahun 2011 sehingga kini, satu kes kecurian elektrik di negeri ini sudah didakwa ke mahkamah, manakala dua lagi masih dalam proses pendakwaan.

Mohd Yusrul berkata, empat kes lagi dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan lanjut, manakala dua kes dalam proses siasatan akhir lanjutan operasi bersama Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) tahun lalu.

Katanya, selain mendakwa pesalah, pelbagai usaha diambil menangani isu ini termasuk meningkatkan operasi menanggalkan sambungan haram dengan kerjasama SESB dan ESSCOM.

Mencuri elektrik menyalahi Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 yang boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan denda RM100,000 atau penjara tiga tahun bagi kesalahan ulangan.

Fakta nombor

126 KES
kemalangan elektrik di Sabah antara 2002 - 2014

763 KES
kemalangan elektrik seluruh negara pada 2002- 2014

Headline	16,086 rumah di Sabah dikesan curi elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	21	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	281 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,947



Kabel penyambungan haram di kawasan kampung setinggan di Sandakan.